



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

21 November 2024

**KENYATAAN MEDIA PAC BERHUBUNG PEMBENTANGAN
LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN
PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN *FOREIGN WORKERS
CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)***

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berpandangan bahawa kontrak ***Foreign Workers Centralized Management System*** (FWCMS) atau Sistem Pengurusan Bersepadu Pekerja Asing antara Kerajaan dengan syarikat Bestinet Sdn Bhd, yang ditandatangani pada September lalu dilihat sebagai langkah kurang cermat memandangkan caj bayaran yang dikenakan tinggi dan akan membebankan majikan dan pekerja asing.
2. Keputusan Kerajaan untuk menandatangani kontrak itu telah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dalam prosiding tindakan susulan Kementerian Sumber Manusia Dan Kementerian Dalam Negeri Bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) Dan ***Foreign Workers Centralized Management System*** (FWCMS) yang telah diadakan pada 6 November 2024 berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304(b) pindaan 2023.

3. Dalam prosiding itu, saksi yang hadir adalah YBrs. Ramzi bin Mansor, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha, KDN dan YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof Ketua Setiausaha KESUMA.
4. Prosiding Tindakan Susulan ini, diadakan bagi mengetahui maklum balas KDN dan KESUMA terhadap lima (5) syor yang dikemukakan PAC dalam laporan mengenai isu ini yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 3 Julai 2024.
5. Dalam Laporan Tindakan Susulan ini, PAC telah memberikan ulasan pada setiap maklum balas yang diberikan KDN dan KESUMA terhadap lima (5) syor yang dikemukakan Jawatankuasa ini.
6. Berikutan itu, PAC sebulat suara dalam perbincangan khas yang diadakan semalam, telah membuat keputusan untuk memulakan prosiding berhubung Perolehan Sistem FWCMS oleh KDN pada 10 Disember ini.
7. PAC akan memanggil Jawatankuasa Induk FWCMS yang dipengerusikan Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar serta tiga ahli Jawatankuasa Induk termasuk Dato' Mohd Dusuki Mokhtar, Peguam Negara; Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan; Datuk Awang Jeman, Ketua Setiausaha (KSU) KDN; Datuk Azman Mohd Yusof, KSU KESUMA dan Ts Dr. Fazidah Abu Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara.
8. Keterangan dan penjelasan daripada Jawatankuasa Induk FWCMS ini penting bagi PAC mendapatkan justifikasi terhadap keputusan Kerajaan menandatangani kontrak perjanjian Sistem FWCMS dengan Bestinet Sdn Bhd.

9. PAC berharap orang ramai membaca Laporan Tindakan Susulan PAC Untuk Kementerian Sumber Manusia Dan Kementerian Dalam Negeri bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) Dan *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) dengan melayari laman web pac di alamat www.parlimen.gov.my/pac .

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen